

**Corat-Coret Kabinet Baru**  
**mStarOnline**  
**16 Mei, 2013**

**KUALA LUMPUR:** Barisan kabinet baru Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah pun diketahui umum melalui pengumuman secara langsung pada jam 5 petang Rabu.

**Jumlah anggota Jemaah Menteri;**

- > Kabinet Najib mempunyai keseluruhannya 32 menteri dengan menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sahaja mempunyai lapan orang menteri.
- > Kabinet terdahulu dianggotai 30 orang menteri.

**Antara menteri yang mengekalkan portfolio masing-masing ialah;**

- > Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal;
- > Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah;
- > Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan;
- > Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman.

**Muka lama yang bertukar portfolio pula termasuklah;**

- > Bekas Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang kini memegang portfolio Komunikasi dan Multimedia;
- > Bekas Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S.Subramaniam kini Menteri Kesihatan.
- > Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz kini Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan;
- > Datuk Seri G.Palanivel Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**Barisan Kabinet kali ini turut menyaksikan enam timbalan menteri dinaikkan pangkat sebagai menteri penuh. Mereka ialah;**

- > Bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof (Menteri Kerja Raya);
- > Bekas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Rohani Abdul Karim (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat);
- > Bekas Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot (Menteri Sumber Manusia);

- > Bekas Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Hasan Malek (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan);
- > Bekas Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Tan Sri Joseph Kurup (Jabatan Perdana Menteri) dan;
- > Bekas Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Joseph Entulu Belaun (Menteri di Jabatan Perdana Menteri).

**Yang digugurkan pula ialah;**

- > Bekas Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor dan;
- > Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar.

**Habuan Terbesar:**

- > Sabah dan Sarawak yang memberikan kemenangan besar kepada Barisan Nasional pada pilihan raya yang lalu menerima habuan terbesar apabila mereka diwakili oleh 12 menteri penuh dan lapan timbalan menteri.

**Pemangku Menteri;**

- > Dalam situasi yang belum pernah berlaku sebelum ini, Najib telah melantik Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein sebagai menteri sementara Kementerian Pengangkutan yang direzabkan untuk MCA.
- > Ini bermakna, MCA yang sebelum ini diwakili oleh empat orang wakil dalam kabinet telah dikurangkan kepada hanya satu kerusi sahaja.

**Muka baru ialah;**

- > Datuk Seri Abdul Wahid Omar (JPM);
- > Datuk Paul Low Seng Kuan (JPM);
- > Datuk Seri Shahidan Kassim (JPM);
- > Nancy Shukri (JPM);
- > Khairy Jamaluddin (Belia dan Sukan);
- > Datuk Rahman Dahlan (Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan);
- > Idris Jusoh (Pelajaran dan Pengajian Tinggi);
- > Datuk Rohani Abdul Karim (Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat);

> Tengku Adnan Tengku Mansor (W.Persekutuan)

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/5/16/mstar\\_berita/20130515215711&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/5/16/mstar_berita/20130515215711&sec=mstar_berita)